

*BAB*  
*KETIGA*

# BAB KETIGA

## PENGENALAN TAFSIR AL-KASYSYAF

### 3.0 Pendahuluan

Selepas kita mengetahui pengenalan tentang al-Zamakhsyārī dalam Bab Kedua yang lalu, maka dalam bab ini perlu kita mengenal pasti serba sedikit tentang kedudukan kitab *Tafsir al-Kasysyaf* sebelum kita mengkaji metod-metod kajian nahu atau pemikiran nahu yang terdapat dalam kitab tafsir tersebut. Ini kerana pengetahuan tentang kitab tafsir ini akan membantu kita membuat analisis terhadap pemikiran-pemikiran nahu yang akan dibincangkan dalam Bab Keempat dan Kelima selepas ini.

### 3.1 Keterangan Ringkas Mengenai Tafsir Al-Kasysyaf

Pengenalan tentang kitab tafsir ini akan meliputi perbincangan-perbincangan tentang tarikh penulisan, sebab-sebab penulisan, tempoh penulisannya, keistimewaan-keistimewaan yang terdapat dalam *Tafsir al-Kasysyaf*, khususnya dari sudut ilmu *balāghat* dan nahu, sanjungan-sanjungan serta kritikan-kritikan ulama terhadapnya dan kelayakan yang diperlukan untuk mentafsir al-Quran di sisi al-Zamakhsyārī.

### **3.1.1 Tarikh Penulisannya**

Seperti yang telah diterangkan dalam Bab Kedua sebelum ini, al-Zamakhsyariy mula mengarang kitab *Tafsir al-Kasysyaf* semasa beliau berada di Mekah pada kali yang kedua. Ini bermakna al-Zamakhsyariy mengarang kitab tafsir ini sekitar tahun 526 H hingga tahun 528 H. Ini kerana beliau berada di Mekah pada kali yang kedua selama tiga tahun.

Menurut al-Zamakhsyariy ( 1995 : 4 / 820 ), beliau selesai menulis kitab tafsir al-Kasysyaf ini di hadapan Kaabah pada pagi hari Isnin, 23 Rabi'ul Akhir tahun 528 H. Ini bermakna al-Zamakhsyariy meninggal dunia selepas sepuluh tahun beliau menyiapkan kitab tafsir ini.

### **3.1.2 Sebab-Sebab Penulisannya**

Dalam muqaddimah kitab ini, al-Zamakhsyariy ada menerangkan sebab-sebab yang telah mendorong beliau mengarang *Tafsir al-Kasysyaf*. Menurut al-Zamakhsyariy ( 1995 : 1 / 8 ) yang bermaksud :-

*"Setiap kali apabila aku melihat sahabat-sahabatku merujuk kepadaku tentang pentafsiran suatu ayat al-Quran, lalu aku menjelaskan kepada mereka beberapa kenyataan yang tersembunyi, maka mereka akan menyatakan pujian dan*

*rasa takjub. Selain itu, mereka juga menyatakan keinginan mereka terhadap suatu karangan yang mengumpulkan kenyataan-kenyataan tersebut.*

*Oleh itu, mereka telah mencadangkan kepadaku agar aku menulis untuk mereka sebuah kitab tafsir yang membongkar rahsia-rahsia ayat al-Quran dan bentuk-bentuk pendapat dalam pentafsiran ayat al-Quran, lalu aku memohon maaf di atas permintaan mereka itu. Bagaimanapun, mereka tetap berdegil. Malah mereka telah merujuk dan meminta jasa baik daripada ulama-ulama besar yang adil dan ulama-ulama tauhid untuk tujuan tersebut*.

Walaupun pada mulanya al-Zamakhsyariī enggan memenuhi hasrat sahabat-sahabat beliau itu, namun setelah desakan demi desakan yang berpanjangan, al-Zamakhsyariī akhirnya terpaksa akur juga dengan kehendak mereka. Dalam hal ini, al-Zamakhsyariī menerangkan ( 1995 : 1 / 8 ) yang bermaksud :-

*"Lalu aku pun menulis untuk mereka satu masalah dalam surah al-Fatihah dan beberapa perbincangan tentang kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam surah al-Baqarat. Perbincangan yang aku tulis tersebut merupakan satu perbincangan yang luas yang mempunyai soal jawab yang banyak serta keterangan-keterangan lanjutan yang panjang".*

Selain itu, al-Zamakhsyariī turut menyatakan sebab-sebab beliau ber-setuju menulis kitab Tafsir al-Kasyyaf ialah kerana ingin memenuhi permintaan gabenor Mekah pada masa itu, iaitu Abū al-Hasan 'Alī bin Hamzat bin Wahhās yang telah meminta beliau mentafsir al-Quran.

### **3.1.3 Tempoh Penulisannya**

Dalam muqaddimah kitab tafsir ini, al-Zamakhsyari turut menjelaskan tempoh masa yang telah diambil oleh beliau untuk menyiapkan kitab tafsir tersebut. Dalam hal ini, al-Zamahksyari ( 1995 : 1 / 8 - 9 ) berkata yang bermaksud :-

*"Dengan taufik dan pertolongan daripada Allah maka kitab ini telah dapat disiapkan dalam masa sekitar tempoh pemerintahan Abu Bakr al-Siddiq ( yakni sekitar dua tahun tiga bulan ), sedangkan tempoh masa yang dianggarkan untuk menyempurnakan penulisannya adalah lebih daripada tiga puluh tahun. Hal ini tidak lain dan tidak bukan merupakan satu petunjuk ( kebaikan ) daripada Baitullah al-Haram ( Kaabah ), di samping keberkatan yang dilimpahkan kepadaku daripada keberkatan-keberkatan Baitullah al-Haram yang mulia ini".*

### **3.1.4 Keistimewaan Tafsīr Al-Kasysyāf**

Dalam perbincangan yang ringkas ini, penulis akan hanya membincangkan keistimewaan kitab Tafsīr al-Kasysyāf ini dari dua sudut sahaja, iaitu dari sudut balāghat dan nahu. Ini kerana kedua-dua cabang ilmu tersebut mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain.

### **3.1.4.1 Keistimewaan Dari Sudut Balāghat**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, tujuan al-Zamakhsyariyy menulis kitab *Tafsir al-Kasysyaf* - sebagaimana yang dituntut oleh sahabat-sahabatnya - adalah untuk membongkar rahsia-rahsia ayat al-Quran khususnya yang berkaitan dengan ilmu *al-Ma`ani* dan ilmu *al-Bayan*, yakni untuk membuktikan bahawa susunan ayat-ayat suci al-Quran adalah setinggi-tinggi dan sebaik-baik susunan dari sudut retoriknya yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun termasuk para pemuisi dan sasterawan Arab

Menurut Syawqi Dayf ( 1987 : 220 ), `Abdul Qahir al-Jurjaniyy telah menjelaskan dalam kitabnya “*Daī'il al-Ijāz*” tentang teori *al-nazm* ( atau ilmu *al-Ma`ani* ), iaitu ilmu yang menggambarkan keindahan gaya bahasa al-Quran mengenai makna-makna tambahan yang terdiri daripada gaya bahasa *taqdim* ( pendahuluan ), *ta'khir* ( pengakhiran ), *ta'rif* ( pengkhususan ), *tankir* ( pengumuman ), gaya bahasa *hadhf* ( pengguguran ), *wasl* ( penyambungan ), *fasi* ( pemisahan ), *qasr* ( pembatasan ) dan sebagainya.

Manakala, dalam kitab “*Asrār al-Balāghat*” pula `Abdul Qahir al-Jurjaniyy menjelaskan tentang bentuk-bentuk perbezaan yang wujud antara gaya-gaya bahasa dalam kategori ilmu *al-Bayan*, yakni perbezaan antara gaya bahasa *isti'ārat* ( peminjaman ), *tasybih* ( perumpamaan ), *majāz* ( figuratif ) dan sebagainya.

Bagaimanapun, penjelasan tentang gaya-gaya bahasa berkenaan masih belum cukup meluas untuk menerangkan keindahan retorik yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Oleh itu, seseorang yang boleh melakukan tugas yang sedemikian amat diperlukan bagi melakukan tugas yang penting lagi mencabar itu.

Keadaan ini berterusan sehingga lahirnya kitab *Tafsir al-Kasysyaf* untuk memenuhi keperluan tersebut. Justeru itu, bolehlah dianggap bahawa kitab *Tafsir al-Kasysyaf* ini merupakan satu usaha al-Zamakhsyariy untuk mempraktikkan teori ilmu al-Ma'ani dan ilmu al-Bayan - yang telah dipelopori oleh 'Abdul Qahir al-Jurjaniy - dalam bentuk pentafsiran ayat-ayat suci al-Quran ( Syawqi Dayf, 1987 : 220 ).

Kebolehan al-Zamakhsyari<sup>ī</sup> menerangkan keindahan ayat-ayat al-Quran dari sudut ilmu al-Ma`āni itu dapat kita lihat di bahagian akhir pentafsiran beliau terhadap ayat yang pertama dan kedua daripada surah al-Baqara<sup>ī</sup>, iaitu firmanNya أَمْ . ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ لَهُ مَدْيَ لِلْمُتَّقِينَ - : yang bermaksud : "Alif,

Lam, Mim. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya ( tentang datangnya dari Allah dan tentang sempumannya ), ia pula menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang ( hendak ) bertaqwa".

Menurut al-Zamakhsyariy ( T. T. : 21 ) yang bermaksud : "Firman Allah Ta`ala :- ﴿١﴾ adalah satu ayat yang tersendiri atau pun satu bentuk daripada huruf-huruf abjad yang berasingan dari ayat-ayat yang lain. Manakala ayat-ayat :-

هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ dan لَا رَبَّ فِيهِ ، ذَلِكَ الْكِتَابُ pula masing-masing merupakan ayat yang kedua, ketiga dan keempat.

Susunan ayat-ayat tersebut melahirkan penyambungan yang berunsur retorik dan susunan kata yang indah, yakni ayat-ayat tersebut didatangkan sebegitu rupa secara seragam tanpa menggunakan sebarang kata hubung. Ayat-ayat tersebut didatangkan dalam bentuk penyesuaian antara satu sama lain, umpamanya ayat yang kedua berhubung kait dengan ayat yang pertama. Manakala, ayat yang ketiga pula berhubung kait dengan ayat yang keempat dan begitulah seterusnya.

Sehubungan itu, Allah Ta'ala menerangkan kepada kita bahawa kitab al-Quran itu merupakan suatu ungkapan yang bersifat mencabar dan sebuah kitab yang sangat sempuma. Allah Ta'ala juga menafikan wujudnya sebarang bentuk keraguan dalam al-Quran, kerana tidak ada yang lebih sempuma daripada kebenaran dan keyakinan dan tidak ada yang paling kurang sempuma daripada kepalsuan dan keraguan.

Selain itu, selepas kita melihat susunan keempat-empat ayat di atas itu dalam keadaan yang cukup menarik dan indah, kita pasti tidak dapat lari daripada aspek kefasihan ayat-ayat tersebut. Ayat yang pertama mengandungi unsur pengguguran (yakni pengguguran mutbtada' dengan andaian :- ﴿ مَذْهَبٌ ﴾ ) serta isyarat tentang maksud yang dikehendaki melalui pendekatan yang paling lembut dan halus.

Ayat yang kedua pula mengandungi unsur pentakrifan kata nama ( yakni penggunaan kata nama yang berbentuk khusus, iaitu pada perkataan **الْكِتَابُ** ).

Sementara ayat yang ketiga pula mengandungi unsur pendahuluan perkataan **رِبْ** ( keraguan ) daripada partikel **jarr** dan **majrūr** " فِيهِ " ( yang bermaksud "di dalam al-

*Quran*" ).

Manakala ayat yang keempat pula mengandungi unsur pengguguran ( iaitu pengguguran **mutbada'** dengan **andaian** :- **هُوَ هُدَىٰ لِّلْمُتَّقِينَ** ) dan meletakkan **masdar**

( kata sumber ), iaitu perkataan **هُدَىٰ** ( **petunjuk** ) di tempat kata sifat, iaitu **هادِ**

( pemberi petunjuk ) di samping perkataan tersebut wujud pula dalam bentuk **nakirat** ( kata nama am ). Selain itu, ayat yang keempat ini juga mengandungi gaya bahasa ringkas pada perkataan **الْمُتَّقِينَ** ( yang bermaksud : "Orang-orang yang ingin bertaqwa dan melakukan usaha ke arah itu" ).

Untuk melihat kebolehan al-Zamakhsyariy mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ilmu al-Bayan pula, kita boleh melihat pentafsiran beliau terhadap firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-19, iaitu :-

**أَوْ كَصَبَّ مِنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَرِزْقٌ يَحْتَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذِانِهِمْ مِنْ**

الصُّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ

seperti ( orang-orang yang ditimpa ) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap

*gelita, dan guruh serta kilat : Mereka menyumbatkan jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. ( Masakan mereka boleh terlepas ), sedang ( pengetahuan dan kekuasaan ) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu".*

Menurut al-Zamakhsyari ( 1995 : 1 / 86 ) yang bermaksud : "Agama Islam diumpamakan seperti hujan yang lebat kerana hati yang hidup dengan Islam adalah seperti bumi yang hidup dengan hujan. Manakala, orang-orang kafir pula diumpamakan seperti kegelapan, janji baik dan janji buruk diumpamakan seperti guruh dan kilat dan perkara-perkara yang menimpa orang-orang kafir seperti ketakutan, bala bencana dan huru hara dari pihak orang-orang Islam diumpamakan seperti petir".

Ilmu al-Bayan yang dimaksudkan dengan pentafsiran al-Zamakhsyari di atas ialah tasybih atau perumpamaan yang merupakan salah satu cabang ilmu tersebut.

### **3.1.4.2 Keistimewaan Dari Sudut Nahu**

Selain terkenal sebagai tafsir yang membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan ilmu al-Ma`ani dan ilmu al-Bayan, Tafsir al-Kasysyaf juga terkenal sebagai tafsir yang menitikberatkan bidang nahu. Keadaan ini bersesuaian sekali kerana ilmu nahu seperti yang akan dinyatakan selepas ini adalah berkait rapat dengan ilmu al-Ma`ani.

Menurut Ibrahim Abdullah Rufaydat ( 1990 : 1 / 564 ), al-Zamakhsyariy melalui tafsir al-Kasysyafnya adalah ulama tafsir yang terakhir dalam peringkat yang kedua dari sudut pemikiran nahu yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir. Pada peringkat ini, pemikiran nahu yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir masih lagi asli dan metod kajian bahasa pengarang-pengarangnya juga masih bersifat asli.

Peringkat yang kedua ini merupakan lanjutan daripada peringkat yang pertama yang lebih banyak merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang menitik-beratkan tentang makna-makna perkataan dan fungsi kenahuan bagi perkataan-perkataan dalam ayat-ayat al-Quran. Peringkat yang pertama pula diwakili oleh kitab-kitab tafsir seperti "Majāz al-Qurān" oleh Abū 'Ubaydat, "Ma'anī al-Qurān" oleh al-Farrā' dan "Ma'anī al-Qurān" oleh al-Zajjāj.

Selain al-Zamakhsyariy, antara ulama tafsir yang membincangkan pemikiran nahu dalam kitab tafsir mereka pada peringkat yang kedua ini ialah Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabāriy, 'Alī bin 'Isā Abū al-Hasan al-Rummāniy, Muḥammad bin al-Hasan bin Ziyād Abū Bakr al-Nuqqāsy dan 'Alī bin Ahmad bin Muḥammad Abū al-Hasan al-Naysābūriy.

Antara contoh keistimewaan tafsir al-Kasysyaf dari sudut nahu boleh dilihat semasa al-Zamakhsyariy mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-48, iaitu :-

وَأَنْقُوا يَوْمًا لَا تَحْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ

منها شفاعة ولا يُؤخذ منها عذل ولا هم ينتصرون yang bermaksud : "Dan peliharalah dini

kamu dari ( azab sengsara ) hari ( akhirat ), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain ( yang berdosa ) sedikit pun (dari balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan, dan mereka ( yang bersalah itu ) tidak akan diberi sebarang pertolongan".

Menurut al-Zamakhsyari ( 1995 : 1 / 138 ) yang bermaksud : "Mereka yang membaca :- لا تَحْزِي membawa maksud : "Tidak ada seorang pun yang dapat menggantikan tempat seorang yang lain ( untuk menerima azab )" kerana bacaan tersebut berasal daripada ayat :- أَجْزَأْتُهُ إِذَا أَغْنَى عَنْهُ yang bermaksud : "Mengambil tempatnya sebagai ganti".

Ayat ini ( yakni ayat لا تَحْزِي ) berada pada kedudukan akusatif kerana ia menjadi sifat kepada perkataan يَوْمًا yang bersifat akusatif. Manakala, gantinama yang menghubungkannya dengan perkataan يَوْمًا telah digugurkan daripada ayat dengan andaian :- لا تَحْزِي فِيهِ .

Keadaan yang sama juga berlaku pada bait puisi Abū 'Alī :-

\* تَرْوِحِي أَخْدَرُ أَنْ تَقِيلِي \* yang bermaksud : "Wahai untaku, keluarlah kamu dari air ini kerana ia lebih baik daripada kamu tidur di dalamnya", iaitu dengan andaian :-  
تَرْوِحِي مَاءُ أَخْدَرُ أَنْ تَقِيلِي فِيهِ .

Dalam keterangan al-Zamakhsyariī di atas kita dapatilah beliau telah menggunakan *qirā'at* al-Quran dan bait puisi sebagai dalil nahu di samping menggunakan *i'rāb* untuk menjelaskan makna ayat al-Quran. Contoh-contoh pentafsiran seperti ini akan dapat dilihat lagi dalam Bab Keempat dan Kelima selepas ini.

### **3.1.5 Sanjungan dan Kritikan Ulama Terhadap Tafsir**

#### **Al-Kasysyaf**

Oleh kerana Tafsir al-Kasysyaf merupakan kitab tafsir yang terunggul khususnya dalam bidang ilmu al-Ma'ānī dan ilmu al-Bayān, kitab tafsir ini telah mendapat pujian dan sanjungan daripada para ulama termasuklah ulama-ulama Ahli Sunnat Wal Jama'at, walaupun mereka menentang pendapat-pendapat al-Zamakhsyariī yang berkaitan dengan pegangan mazhab Muktazilahnya.

Ibn Khaldūn ( 1997 : 2 / 121 ) misalnya telah menyatakan yang bermaksud : "Antara kitab tafsir yang paling baik yang mengandungi ilmu tentang perkara ini ( yakni pengetahuan tentang bahasa, nahu dan balaghah ) ialah kitab Tafsir al-Kasysyaf oleh al-Zamakhsyariī yang berasal dari Khuwārizm di wilayah Iraq. Walau bagaimanapun, pengarang kitab ini adalah penganut mazhab Muktazilah dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah.

Oleh itu, beliau telah mengemukakan hujah-hujah yang berdasarkan pendapat golongan Muktazilah yang menyeleweng ketika beliau membicarakan ayat-ayat al-Quran mengikut kaedah-kaedah *balāghat*. Hal ini menyebabkan beliau telah disisih oleh golongan Ahli Sunnat Wal Jama'at yang juga telah mengingatkan orang ramai tentang hal-hal yang tersembunyi yang terdapat dalam *Tafsīr al-Kasysyāf*. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama mereka tetap mengakui kemahiran al-Zamakhsyāriyy dalam hal-hal yang berkaitan dengan bahasa dan *balāghat*.

Sementara itu, al-Syaykh Haydar al-Harawiy pula menyatakan yang bermaksud : "Kitab *Tafsīr al-Kasysyāf* adalah sebuah kitab yang tinggi nilai dan kedudukannya. Tidak terdapat sebuah kitab pun yang boleh menyamainya sama ada kitab-kitab yang dikarang sebelumnya atau pun yang lahir selepasnya. Para ulama telah bersepakat tentang kekuatan susunannya yang menarik dan gaya bahasanya yang elok lagi menawan ....

Walaupun kitab *Tafsīr al-Kasysyāf* ini dikatakan tidak sunyi daripada kecacatan dan kelemahan, tetapi semua kitab tafsir yang lahir selepasnya apabila dibandingkan dengannya didapati tidak mempunyai keindahan dan kecantikan sebagaimana yang terdapat dalam *Tafsīr al-Kasysyāf*, meskipun pengarang-pengarangnya mengikut jejak langkah kitab tafsir tersebut. Dalam hal ini, pengarang-pengarang tersebut jarang sekali mengubah susunan-susunan ayat yang terdapat dalam *Tafsīr al-Kasysyāf*. Jika tidak, mereka akan melakukan kesilapan dan terjatuh dari tempat yang licin" ( Haji Khalifat, 1982 : 2 / 1483 ).

Dalam muqaddimah kitab tafsir al-Bahr al-Muhīt pula, pengarangnya Abū Ḥayyān ( 1992 : 1 / 21 ) telah mengemukakan pendapat Ibnu Basykuwāl tentang perbandingan antara kitab tafsir Ibnu 'Atīyyat dengan kitab tafsir al-Zamakhsyarī.

Menurut Ibnu Basykuwāl yang bermaksud : "Perbincangan dalam kitab Ibnu 'Atīyyat adalah lebih banyak dan lebih bersih, manakala kitab al-Zamakhsyarī pula lebih ringkas dan lebih mendalam. Namun begitu, al-Zamakhsyarī menyatakan pendapatnya secara melompat dan terhad kepada perkara-perkara yang penting sahaja .... Dalam pada itu, kitab al-Zamakhsyarī ini juga memaparkan pendapat-pendapat yang memihak kepada mazhab Muktazilah dan terdapat usaha yang bersungguh-sungguh daripada para penganutnya untuk mengaitkan al-Quran dengan pendapat-pendapat tersebut. Moga-moga keburukan yang dilakukan oleh al-Zamakhsyarī ini dapat diampuni oleh Allah melalui kebaikan yang dilakukan oleh beliau dan moga-moga beliau mendapat kelonggaran daripada Allah akibat keterlajuruan beliau dalam beberapa perkara melalui kebenaran yang dibawa oleh beliau dalam kebanyakan perkara yang dinyatakannya".

Selain itu, Abū Ḥayyān juga turut memberi gambaran tentang kebolehan al-Zamakhsyarī. Menurut beliau ( 1992 : 8 / 252 ) yang bermaksud : "Al-Zamakhsyarī adalah seorang lelaki yang telah dianugerahkan oleh Allah dengan ilmu al-Quran yang begitu banyak. Beliau mampu menggandingkan antara makna yang dicipta dengan lafaz yang menarik. Oleh itu, dalam kitab tafsir beliau terdapat banyak perkara yang tidak betul ( yakni dari sudut akidah )".

### **3.1.6 Kelayakan Yang Diperlukan Untuk Mentafsir al-Quran Di Sisi Al-Zamakhsyariy**

Dalam muqaddimah kitab Tafsir al-Kasysyaf, al-Zamakhsyariy ( 1995 : 1 / 7 ) menyatakan bahawa mereka yang ingin mentafsir kitab Allah s.w.t. mestilah mendalami dua bidang ilmu, iaitu ilmu al-Ma'ani dan ilmu al-Bayan.

Yang dimaksudkan dengan ilmu al-Ma'ani ialah ilmu yang menerangkan tentang keadaan-keadaan makna, lafaz dan bentuk-bentuk susunannya dalam beberapa kaedah, yakni ilmu yang mengkaji tentang perkaitan antara satu lafaz dengan satu lafaz yang lain dalam satu ayat termasuk juga perkaitan antara satu ayat dengan ayat yang sebelum atau yang selepasnya. Manakala ilmu al-Bayan pula ialah ilmu yang mengkaji tentang bentuk-bentuk ayat yang pelbagai bagi menerangkan satu makna yang tertentu di samping memilih bentuk ayat yang paling jelas dan yang paling tinggi nilai retorikanya berdasarkan keperihalan keadaan yang berlaku semasa ayat tersebut disampaikan ( Maysyal 'Asi, 1987 : 2 / 881 & 2 / 885 ).

Oleh kerana ilmu al-Ma'ani mengkaji tentang perkaitan antara lafaz-lafaz dalam satu ayat, maka ilmu al-Ma'ani turut berkait rapat dengan ilmu nahu. Hal ini kerana ilmu nahu ialah ilmu yang mengkaji tentang kaedah-kaedah penyusunan sesuatu ayat.

Oleh itu, dalam muqaddimahnya ( 1995 : 1 / 7 ) al-Zamakhsyariy turut menyatakan bahawa antara syarat bagi seseorang yang ingin mentafsir kitab

suci al-Quran ialah seorang yang pakar dalam ilmu i'rāb dan boleh menguasai Kitāb Sibawayh, iaitu kitab rujukan utama bagi nahu Arab.

Yang dimaksudkan dengan ilmu i'rāb di sini ialah ilmu yang mengkaji tentang fungsi kenahuan bagi sesuatu kalimah dalam ayat al-Quran, yakni sama ada kalimah tersebut berfungsi sebagai subjek, predikat, pelaku, objek dan sebagainya dalam sesuatu ayat. Justeru itu, mereka yang ingin mengkaji tentang ilmu al-Ma'āni dalam al-Quran mestilah terlebih dahulu memahami ilmu nahu.

Sehubungan itu, dalam kitab tafsir ini kita dapati al-Zamakhsyariyy banyak menerangkan persoalan yang berkaitan dengan ilmu nahu. Hal ini kerana beliau berpendapat bahawa pemahaman tentang masalah nahu akan membantu seseorang itu memahami bentuk-bentuk kemukjizatan yang terdapat di dalam al-Quran, khususnya yang berkaitan dengan ilmu al-Ma'āni dan ilmu al-Bayān.

Menurut al-Zamakhsyariyy ( 1995 : 1 / 7 - 8 ), selain penguasaan terhadap ilmu al-Ma'āni, ilmu al-Bayān dan ilmu nahu, seseorang yang ingin mentafsir kitab suci al-Quran juga wajar menguasai pelbagai ilmu ( seperti feqah, akidah, falsafah, geografi dll. ), mengambil berat terhadap dua perkara, iaitu pemahaman yang mendalam dan penghafalan dan banyak melakukan rujukan dan pentalaahan. Selain itu, dia juga mesti mempunyai sifat semula jadi yang bebas, bakat yang terserlah dan pengetahuan yang mendalam tentang selok belok gaya bahasa puisi dan prosa Arab.

### **3.2 Penutup**

Melalui perbincangan di atas, dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa kitab *Tafsīr al-Kasysyāf* adalah sebuah kitab tafsir yang menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan ilmu *balāghat*, khususnya ilmu *al-Ma`āni* dan ilmu *al-Bayān*. Selain itu, kitab tafsir ini juga banyak membicarakan masalah-masalah yang berkaitan dengan ilmu nahu, kerana terhadap hubungan yang erat antara ilmu nahu dan ilmu *al-Ma`āni*.